



27 Januari 2014
27 January 2014
P.U. (B) 34

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu prosiding jenayah yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu suatu kesalahan di bawah seksyen 146 dan 147 *Liechtenstein Criminal Code* telah dimulakan di Liechtenstein, suatu Negara asing;
- (b) Mahkamah Keadilan Wilayah Liechtenstein telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Liechtenstein; dan
- (d) Peguam Negara Malaysia telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Liechtenstein berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Liechtenstein tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 27 September 2013
[JPN(R)152/185/29/54-3; PN(PU2)628/VII]

HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) a criminal proceeding relating to a criminal matter involving a foreign serious offence, that is an offence under sections 146 and 147 of the Liechtenstein Criminal Code has commenced in Liechtenstein, a foreign State;
- (b) the Court of Justice of the Principality of Liechtenstein has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [Act 621];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to Liechtenstein; and
- (d) the Attorney General of Malaysia has recommended that mutual assistance be given to Liechtenstein in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Hajah Nancy binti Haji Shukri, the Minister responsible for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of Liechtenstein an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 27 September 2013
[JPN(R)152/185/29/54-3; PN(PU2)628/VII]

HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
Minister in the Prime Minister's Department